



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA
TM. 152/2026

16 JUN 2026

VM2026 PERKUKUH KETERSAMBUNGAN SERANTAU MENERUSI PENERBANGAN SULUNG AIRASIA ANTARA JAKARTA DAN KOTA BHARU

KOTA BHARU – Tourism Malaysia, dengan kerjasama AirAsia, Tourism Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), hari ini menyambut ketibaan penerbangan terus sulung yang menghubungkan Jakarta, Indonesia (CGK) dan Kota Bharu, Kelantan (KBR), sekali gus menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memperkukuh ketersambungan serantau sempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Penerbangan sulung AirAsia AK2354 yang dikendalikan menggunakan pesawat Airbus A320 berkapasiti 180 tempat duduk telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu pada jam 3.50 petang waktu tempatan. Laluan baharu ini meningkatkan aksesibiliti antara Indonesia dan Pantai Timur Malaysia, di samping membuka peluang baharu dalam sektor pelancongan, perdagangan dan kerjasama ekonomi.

Majlis sambutan ketibaan penerbangan sulung tersebut turut dihadiri oleh YB Datuk Kamarudin Md Nor, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan; YBrs. Puan Baizuri Baharum, Ketua Pengarah Bahagian Promosi Antarabangsa Asia Tenggara Tourism Malaysia; Dato' Mohd Izani Ghani, Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB); serta Encik Zamani Rafique, Pengarah Global & Government Affairs AirAsia.

Para penumpang disambut mesra menerusi persembahan kebudayaan yang mengetengahkan keunikan warisan Malaysia. Penerbangan sulung tersebut membawa seramai 117 penumpang, mewakili faktor muatan kira-kira 63 peratus daripada kapasiti pesawat. Komposisi penumpang terdiri terutamanya daripada pelawat dari Indonesia Thailand, Filipina, dan lain-lain negara selain rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air, sekali gus mencerminkan potensi pertumbuhan yang memberangsangkan bagi laluan baharu ini.



Menurut Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Encik Mohd Amirul Rizal Abdul Rahim, “Pelancaran perkhidmatan terus antara Jakarta dan Kota Bharu ini merupakan satu lagi pencapaian penting dalam memperkukuh ketersambungan serantau Malaysia di bawah Kempen Melawat Malaysia 2026. Indonesia kekal sebagai salah satu pasaran sumber utama negara, dan laluan baharu ini menyediakan akses yang lebih mudah kepada pelawat menikmati pengalaman budaya, warisan serta eko-pelancongan di Kelantan.

“Selain percutian, perkhidmatan ini juga dijangka menyokong pertumbuhan sektor pelancongan kesihatan serta memperkukuh hubungan rakyat antara kedua-dua negara. Kami yakin laluan ini akan menyumbang secara positif kepada peningkatan ketibaan pelawat serta menjana manfaat ekonomi yang lebih meluas kepada komuniti setempat dan penggiat industri pelancongan di Kelantan serta seluruh wilayah Pantai Timur.”

Selain itu, Pengarah Tourism Kelantan, Encik Azwan bin Ab Rahman berkata, pembukaan laluan terus Jakarta–Kota Bharu ini dijangka menjadi pemangkin kepada peningkatan jumlah pelancong dari Indonesia ke negeri Kelantan, sekali gus memperkukuhkan kedudukan negeri ini sebagai destinasi pelancongan budaya dan warisan utama di Malaysia.

“Melalui penerbangan terus ini, pelancong dari Jakarta bukan sahaja dapat menikmati pelbagai produk pelancongan unik yang ditawarkan di Kelantan seperti Pasar Siti Khadijah, Masjid Kampung Laut, Kampung Kraftangan dan Stong Geopark, malah Kota Bharu turut berpotensi menjadi pintu masuk strategik atau transit ke destinasi pelancongan terkenal lain di rantau ini. Kedudukan geografi Kelantan yang berhampiran sempadan menjadikannya laluan mudah untuk meneruskan perjalanan ke bandar-bandar utama di selatan Thailand seperti Hat Yai, Narathiwat dan Pattani. Pada masa yang sama, pelancong juga boleh menjadikan Kelantan sebagai transit untuk ke pulau-pulau popular Pantai Timur seperti Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pulau Kapas yang menjadi antara tarikan utama pelancong antarabangsa.”

Dato’ Kapten Fareh Mazputra, Pengurus Besar AirAsia Malaysia berkata, “Kami berbangga dapat melancarkan perkhidmatan terus baharu ini antara Jakarta dan Kota Bharu yang akan memperkukuh lagi ketersambungan serantau serta menyokong aspirasi pertumbuhan pelancongan Malaysia sempena Kempen Melawat Malaysia 2026. Laluan ini menyediakan akses yang lebih luas kepada pelawat dari salah satu pasaran utama kami, di samping memperkenalkan kekayaan budaya, warisan dan tarikan unik Kelantan kepada khalayak antarabangsa yang lebih luas.

“Sebagai syarikat penerbangan ASEAN terkemuka, AirAsia kekal komited dalam menghubungkan destinasi yang kurang mendapat liputan dengan hab-hab utama serantau, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang dalam sektor pelancongan, perdagangan dan pertumbuhan ekonomi. Kami berharap dapat mengalu-alukan lebih



ramai pelawat ke Kelantan dan menyumbang kepada pembangunan negeri melalui peningkatan ketersambungan serta ketibaan pelawat.”

Menurut Pengarah Urusan Malaysia Airports, Dato’ Mohd Izani Ghani, “Pelancaran penerbangan terus Jakarta–Kota Bharu ini menyerlahkan impak pelaburan strategik dalam infrastruktur lapangan terbang terhadap peningkatan kesalinghubungan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Melalui projek pembesaran terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang kini mampu mengendalikan 4 juta penumpang setahun (mppa) berbanding 1.5 mppa sebelum ini, KBR kini mempunyai asas yang lebih mantap bagi menyokong operasi antarabangsa dan peningkatan trafik masa hadapan. Pembukaan laluan ini bukan sahaja memperkukuh integrasi serantau Kelantan, malah membuka pintu yang lebih luas kepada potensi pelancongan, perdagangan, dan pelaburan di negeri ini.”

Indonesia kekal sebagai salah satu pasaran sumber utama Malaysia, sehingga April 2026, sebanyak 634 penerbangan mingguan yang menawarkan kapasiti lebih 114,806 tempat duduk seminggu antara kedua-dua negara. Pengenalan perkhidmatan terus ini dijangka memperkukuh aliran pelancongan antara Indonesia dan Malaysia, di samping menyokong pertukaran budaya, perjalanan perniagaan serta pertumbuhan sektor pelancongan perubatan.

Laluan baharu ini bukan sahaja memperkukuh rangkaian ketersambungan udara sedia ada, malah meningkatkan akses ke Kelantan yang berperanan sebagai pintu masuk utama ke Pantai Timur Malaysia serta hab transit strategik bagi pelawat dari selatan Thailand melalui pintu sempadan utama seperti Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Noor Izzati binti Mohd idris

Penolong Pengarah
Bahagian Promosi Antarabangsa
(Asia Tenggara)

noorizzati@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8225

Norshariza binti Mohd Saad

Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

